PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Sekolah perlu patuh garis panduan aktiviti luar bilik darjah – KPM



Sekolah perlu patuh garis panduan aktiviti luar bilik darjah. - GAMBAR HIASAN

- Oleh Siti Maisarah Binti Sheikh Abdul Rahim
- 20 April 2024, 4:27 pm

PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan (KPM) meminta semua institusi pendidikan di bawah kementerian itu untuk sentiasa mematuhi garis panduan penganjuran aktiviti luar bilik darjah.

KPM dalam kenyataan memaklumkan, pematuhan itu perlu dilakukan susulan seorang pelajar lelaki dari Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang meninggal dunia ketika melakukan aktiviti merentas desa semalam.

“KPM komited memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan murid sentiasa diberi perhatian,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Dalam pada itu, KPM berkata pihaknya telah mengambil tindakan segera untuk memberi bantuan kebajikan kepada pihak keluarga.

“KPM menzahirkan rasa dukacita dan mengucapkan takziah kepada keluarga Nuqman Naufal Shamsul Fadzli.

“KPM menyeru semua pihak untuk menghormati privasi keluarga Allahyarham Nuqman Naufal,” ujarnya.

Semalam, seorang pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar di Gentam, Negeri Sembilan, disahkan meninggal dunia selepas rebah ketika menyertai aktiviti merentas desa.

Dalam kejadian pukul 9.30 pagi itu, Nuqman Naufal dikejarkan ke hospital dan diberikan rawatan, namun disahkan meninggal dunia kira-kira dua jam kemudian di Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN).

Difahamkan pelajar itu menghidap penyakit jantung sejak 2016. – UTUSAN